

3.5.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.  
(Hari Air Sedunia 2025)

## **250 LKH: SASARAN PENJIMATAN AIR DOMESTIK PULAU PINANG 2025**

- **Pengurangan sebanyak 11 liter/kapita/sehari (LKH) daripada 261 LKH pada tahun 2024.**
- **Jumlah penjimatan oleh 1.8 juta rakyat Pulau Pinang: 19.8 juta liter sehari (JLH).**

PULAU PINANG, Sabtu, 3.5.2025: Pada tahun 2025, PBAPP telah menetapkan sasaran penjimatan air domestik per kapita sebanyak 250 liter/kapita/sehari (LKH) untuk Pulau Pinang.

Untuk makluman, purata kebangsaan Malaysia ialah 237 LKH pada tahun 2023, manakala Singapura mencatat purata 141 LKH pada tahun yang sama.

Oleh itu, sasaran 250 LKH merupakan satu langkah kecil tetapi signifikan ke hadapan bagi Pulau Pinang. Pada pandangan kami, langkah-langkah progresif yang kecil seperti ini boleh membawa pulangan besar dari segi kecukupan dan keselamatan bekalan air pada masa depan.

Kami telah menetapkan sasaran yang munasabah dan boleh dicapai. 250 LKH pada tahun 2025 hanyalah 11 LKH kurang daripada 261 LKH yang direkodkan pada tahun 2024.

Namun, impak atau kesannya amat besar. Jika 1.8 juta rakyat Pulau Pinang menggunakan 11 LKH kurang air di rumah, jumlah penjimatan air yang terkumpul akan mencecah 19.8 juta liter sehari (JLH) pada tahun 2025.

Penjimatan domestik sebanyak 19.8 JLH ini dijangka dapat mengurangkan jumlah penggunaan air keseluruhan di Pulau Pinang sebanyak kira-kira 2.3%, daripada 870 JLH pada tahun 2024 kepada kira-kira 850 JLH pada tahun 2025.

Pada tahun 2024, penggunaan air domestik membentuk kira-kira 54% daripada jumlah penggunaan air di Pulau Pinang. Oleh itu, apabila rakyat Pulau Pinang menggunakan air dengan lebih berhemah di rumah, ia akan banyak membantu untuk:

- Memastikan kecukupan dan kemampunan bekalan air di semua kawasan di Pulau Pinang, walaupun pada waktu puncak penggunaan seperti perayaan utama dan musim cuti;

- Membantu menstabilkan dan menyamakan tekanan air untuk semua pengguna air;
- Mengurangkan isu air terputus-putus di kawasan hujung paip agihan (HPA) dan kawasan tanah tinggi di Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya (DBD) di Pulau Pinang; dan
- Bantu kami mengharungi musim kemarau yang berpanjangan dan El Niño dengan risiko krisis air yang lebih rendah.

### Kesan Perubahan Iklim terhadap Bekalan Air

Bagi PBAPP, adalah satu fakta bahawa perubahan iklim telah menjejaskan operasi bekalan air di Negeri Pulau Pinang. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui jadual berikut:

Empangan	Kapasiti efektif 1.1.2025	Kapasiti efektif 2.5.2025	Perbezaan
<b>Empangan Teluk Bahang</b>	<b>61.7%</b>	<b>48.6%</b>	<b>- 13.1%</b>
<b>Empangan Air Itam</b>	<b>76.7%</b>	<b>54.1%</b>	<b>- 22.6%</b>
<b>Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD)</b>	<b>91.2%</b>	<b>91.2%</b>	<b>0%</b>

Sila ambil perhatian terhadap fakta dan angka berikut:

1. Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam tidak berada pada tahap penuh pada 1 Januari 2025. Disebabkan cuaca yang tidak menentu sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita tidak boleh memastikan sama ada empangan-empangan ini akan diisi semula sehingga 100% menjelang Disember 2025.
2. Terdapat pengurangan hujan yang ketara di kawasan tadahan air (KTA) bagi kedua-dua empangan ini dalam beberapa tahun kebelakangan ini, akibat fenomena El Niño yang berpanjangan.

Taburan hujan di KTA	Purata 3-tahun 2017 – 2019	Purata 5-tahun 2020 – 2024	2025
Teluk Bahang	1,037mm	262mm	307mm
Empangan Air Itam	553mm	185mm	122mm

3. Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam telah direka bentuk dan dibina untuk diisi semula oleh hujan yang turun di kawasan tadahan air (KTA) masing-masing.

Sebaliknya, Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) pula direka bentuk dan dibina untuk diisi semula terutamanya melalui air yang dipam dari Sungai Kulim.

Kita boleh memohon agar operasi pembenihan awan dijalankan untuk merangsang hujan di kawasan tadahan air (KTA). Namun begitu, kejayaan operasi pembenihan awan adalah tidak menentu. Walaupun hujan mungkin berlaku, ia biasanya hanya berlangsung selama beberapa jam atau satu hari sahaja.

### **Bekalan dan Permintaan Air**

Terdapat dua aspek penting dalam pengurusan bekalan air: “bekalan” dan “permintaan”.

PBAPP sedang giat melaksanakan projek-projek bernilai lebih daripada RM1 bilion di bawah Pelan Kontinjensi Air 2030 (WCP 2030) bagi memastikan kapasiti bekalan air yang mencukupi untuk Pulau Pinang menjelang tahun 2030.

Pada masa yang sama, kami memerlukan kerjasama pengguna air domestik Pulau Pinang untuk mengurangkan “permintaan” keseluruhan air di Pulau Pinang menjelang Tahun 2030.

Jadi, dengan menggunakan air secara bijak di rumah, pengguna air domestik Pulau Pinang akan memainkan peranan penting untuk mengurangkan risiko air Pulau Pinang sehingga 2030, memastikan bekalan air yang adil dan saksama di seluruh negeri dan menyokong visi *Penang2030*.

Sila bantu kami memastikan bahawa Pulau Pinang menjadi “Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.”

Adalah tidak sukar untuk kita mencapai 250 LKH bagi Pulau Pinang pada tahun 2025. Sila layari [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my) untuk mendapatkan langkah penjimatan air.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)